1005

MANUSKRIP TAFSIR HAJI ABDULLAH MS 165 KOLEKSI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA: KAJIAN DARI ASPEK KODIKOLOGI ILMU RASM DABT DAN FAWASIL AL-QURAN

SITI AZWANIE CHE OMAR
SEDEK ARIFFIN
Universiti Malaya
emel: siti.azwanie@yahoo.com

ABSTRAK

Perkembangan Islam di Tanah Melayu telah melahirkan ramai golongan cendekiawan Islam yang memiliki pengetahuan yang tinggi dalam penghasilan karya-karya yang berkualiti termasuklah penulisan manuskrip tafsir al-Quran. Oleh itu, kajian ini berusaha mengetengahkan seorang tokoh ulama' di Perak yang pernah memberi sumbangan dalam penulisan tafsir di dunia Melayu khususnya ketika zaman kegemilangan pemerintahan Tengku Menteri Ngah Ibrahim Bin Jaafar yang memerintah Larut Jajahan Perak pada kurun ke- 19 Masihi. Kajian ini dilakukan melalui pendekatan filologi. Metode yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan adalah metode pengumpulan data melalui metode dokumentasi dan historis iaitu dengan cara menganalisis teks naskhah Tafsir Haji Abdullah MS 165. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan mushaf Haji Abdullah adalah sebuah manuskrip yang berasal daripada abad ke 18 hingga abad ke 19 Masihi. Jenis tulisan pula masih menggunakan rasm campuran, imla'i dan hanya sebilangan sahaja rasm uthmani pada teks al-Quran manakala dari aspek dabt dan juga fawasil al-Quran sangat tidak menepati dengan mushaf asal yang digunakan di Malaysia iaitu rasm Uthmani. Hasil daripada dapatan kajian ini penulis mengemukakan cadangan supaya kajian ini dapat dilakukan secara berterusan pada surah-surah yang lain yang masih belum dikaji secara menyeluruh. Oleh itu, tafsir ini merupakan karya agung yang akan mengangkat martabat dan karya-karya ulama' terdahulu secara akademik kepada generasi digital native khususnya dalam bidang al-Quran.

Kata kunci: Manuskrip, Tafsir, Kodikologi, *Rasm, Dabt, Fawasil.*

1.0 PENDAHULUAN

Sejarah penulisan dan terjemahan kitab-kitab tafsir bermula setelah ramai ulama-ulama dan tokoh-tokoh cendekiawan Islam yang belajar di luar negara pulang ke tanah air untuk berkhidmat di tempat tinggal masing-masing (Zuliskandar, 2011). Penulisan karya-karya Tafsir ini adalah hasil daripada kesinambungan pengajian tafsir di pondok, masjid dan institusi formal. Di Tanah Melayu kitab tafsir yang dapat dikenalpasti kewujudannya adalah Tafsir "Tarjuman al-Mustafid" yang disalin semula oleh Shakhy Abdul Malik Bin Abdullah (Tuk Pulau Manis) pada abad ke-17. Selain seorang tokoh yang terawal yang mendirikan pondok pengajian di Tanah Melayu beliau juga adalah perintis kepada jalan dalam pengajian tafsir al-Quran. (Mustaffa Abdullah, 2011).

Oleh itu, dengan perkembangan penulisan kitab-kitab tafsir yang lebih pesat di pondok-pondok pengajian pada awal abad ke 20-an ianya telah meluaskan lagi empayar dalam bidang pengajian tafsir al-Quran. Jika ditelusuri daripada kajian para sarjana terdahulu, sudah terdapat sebilangan kecil ulama yang sudah menulis kitab tafsir dalam

bahasa Melayu sejak dahulu lagi, disamping mengajar tafsiran tersebut cumanya kurang diketahui umum berbanding kitab agama seperti ilmu fiqh, tasawuf dan juga kitab tauhid. (Salsabil, 2011).

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Jenis reka bentuk kajian ini adalah kualitatif iaitu bersifat penelitian terperinci bagi menjelaskan maklumat atau isi kandungan kajian ini (Kamal Azmi, 2014). Tujuan utama penulis menggunakan metode ini adalah untuk menganalisis data-data yang telah dikumpulkan melalui perpustakaan (Chuan Yan Piaw, 2011). Kajian ini tertumpu pada karya kitab MS 165 karangan Haji Abdullah dalam menganalisis teks naskhah yang digunakan oleh beliau dalam manuskrip ilmu tafsir.

Kajian ini berbentuk kajian perpustakaan yang menjadikan perpustakaan adalah metode utama untuk melakukan kajian. Namun begitu penulis juga menggunakan metode lain untuk membantu kajian seperti historis dalam bab pertama. Pemilihan metode yang tepat adalah sangat penting kerana ia akan memberi kesan kepada kajian ini sama ada ia bersifat ilmiah atau sebaliknya. Ekoran hal itu, selain perpustakaan metode utama yang lain digunakan oleh penulis dalam kajian ini iaitu Metode Pengumpulan Data dan Metode Analisis Data. (Ahmad Munawar, 2012).

2.1 METODE PENGUMPULAN DATA

Metode Perpustakaan berkaitan dokumen kepustakaan. Ia adalah terdiri daripada buku, jurnal dan kertas kerja yang berkaitan dengan subjek kajian. Disebabkan kajian ini adalah kajian perpustakaan maka, maka penulis menggunakan metode ini untuk mendapatkan maklumat bagi keseluruhan bab-bab yang terdapat di dalam kajian (Ghazali Darusalam, 2016). Sebagai contoh bab satu dan bab dua, segala maklumat mengenai metodologi dan kodikologi manuskrip dikumpul daripada sumber rujukan perpustakaan. Antara perpustakaan yang menjadi rujukan penulis adalah seperti Pusat Arkib Negara Malaysia, Pusat Manuskrip, Perpustakaan Negara Malaysia dan Pusat Manuskrip, Dewan Bahasa Dan Pustaka.

2.2 METODE ANALISIS DATA

Setelah penulis berjaya mengumpul data melalui metode-metode yang telah disebutkan tadi, seterusnya penulis akan mengolah dan menganalisis data melaui beberapa metode penganalisaan data. Antara metode tersebut adalah seperti berikut:

a. Induktif

Metode induktif dengan merumuskan satu kesimpulan kajian daripada bentuk khusus kepada bentuknya yang bersifat umum. Metode ini digunakan dalam hampir kesemua bab terutamanya ketika menjelaskan maksud-maksud yang tertentu, iaitu istilah-istilah yang digunakan dalam kitab ilmu tafsir pada teks al-Quran seperti rasm, ḍabṭ, fawāṣil dan sebagainya (Ghazali Darusalam, 2016). Contohnya, ialah apabila penulis mengemukakan argumentasi dan penghujahan Haji Abdullah terhadap metodologi yang digunakannya dalam menganalisis kitab tafsir al-Quran di Tanah Melayu, maka penulis akan membuat signifikan serta rumusan bagi hujahan balas beliau secara keseluruhannya. Seterusnya penulis akan mengeluarkan kaedah-kaedah umum dan khusus yang disampaikan oleh Haji Abdullah di dalam karyanya dan seterusnya penulis akan membuat kesimpulan daripada penelitian yang dilakukan secara mendalam terhadap kitab yang dianalisis.

b. Deduktif

Metode deduktif iaitu merupakan satu kesimpulan kajian bersifat khusus setelah dirujuk dari kenyataan yang bersifat umum (Siti Baroroh, 1985). Penulis menggunakan metode ini dalam menghuraikan data yang diperolehi. (Siti Baroroh, 1985). Contohnya penulis akan membuat kesimpulan khusus setelah menganalisis secara terperinci terhadap kitab tafsir ini.

c. Metode Analisis Teks (kolofon)

Melihat kepada karya teks tafsir MS 165 karangan Haji Abdullah, seorang tokoh ilmuan di Perak. Analisis teks tafsir dijalankan oleh penulis pada bab empat kajian bagi menyelusuri pemikiran Haji Abdullah berkaitan teks naskhah dalam karya tafsir beliau. Analisis teks juga turut dilakukan dalam bab empat berkaitan kelebihan atau keistimewaan yang terdapat pada mushaf Haji Abdullah serta ciri-ciri khas yang ada pada hiasan iluminasinya tentang identiti, gaya, warna dan asal usul manuskrip tersebut.

3.0 PENULISAN MUSHAF TAFSIR DI TANAH MELAYU

Penyalinan mushaf tafsir al-Quran telah bermula pada abad 17 Masihi lagi (Ali Akhbar, 2012). Penafsiran al-Quran telah berkembang pada zaman sahabat dan tabi'in dan terus berkembang ke era penulisan pada akhir zaman pemerintahan Bani Umayyah dan permulaan zaman pemerintahan Bani Abbasiyyah (Muhammad Husayn, 1976). Umat Islam sangat mementingkan dan memainkan peranan yang besar dalam penyalinan naskhah al-Quran sebagai sumber primer ilmu dan agama Islam. Dalam penyalinan mushaf al-Quran, selain daripada tujuan fungsional, kebanyakan golongan bangsawan mahupun para pemimpin Islam sentiasa berlumba-lumba untuk menghasilkan mushaf dengan gaya tulisan yang menarik dan menghiasinya dengan warna dan iluminasi yang indah.

Penggunaan emas, perak dan pelbagai jenis permata yang diadun dengan reka bentuk dan kehalusan seni telah menghasilkan naskhah-naskhah al-Quran dan tafsir yang bermutu dan tinggi kualitinya. Seni ukirannya sangat luar biasa dan pasti dikagumi bagi sesiapa yang melihatnya (Dzul Haimi, 2007). Usaha-usaha untuk membumikan ideal-ideal al-Quran merupakan suatu usaha yang murni dan pemahaman terhadap isi kandungannya sangatlah ditekankan. Hasilnya, lahirlah tradisi keintelektualan Islam yang pelbagai ragam dan sifat dalam nukilan hasil karya dan penulisan oleh para cendekiawan Islam dari pelbagai seantero dunia. Pertembungan Islam telah melahirkan budaya yang memperlihatkan keunikan dan variasinya yang tersendiri yang juga merupakan proses akulturasi. Manakala, dalam konteks al-Quran perkara ini dapat dinilai dengan jelas menerusi kepelbagaian ragam hias dan penyalinan mushaf yang menunjangi tradisi keintelektualan masyarakat Islam seluruhnya (Mustaqim, 2013).

Setelah itu, kemunculan media cetak di Tanah Melayu sekitar awal abad ke-19 telah membawa transformasi dalam sejarah persuratan Melayu, dalam mana masyarakat boleh mendapatkan sumber rujukan bahan bacaan yang lebih ilmiah dan lebih moden sifatnya. Pada awal abad ke-19, masyarakat Melayu sudah mula didedahkan dengan penerbitan akhbar, buku dan majalah kepada suatu bentuk bahan bacaan baharu yang membolehkan mereka berkomunikasi dengan lebih pantas, berfikir dan berinteraksi dalam satu ruang lingkup masyarakat yang lebih luas cukupannya. Dengan adanya industri percetakan awal di Singapura dan Pulau Pinang ia turut berkembang ke negeri-negeri lain di Tanah Melayu, termasuklah di negeri Perak. Semua majalah, buku dan akhbar yang diterbitkan di Tanah

Melayu sekitar awal abad ke-19 adalah satu proses perubahan penting, dalam sejarah industri percetakan dan penerbitan bahan bacaan yang dibawa ke Tanah Melayu (Jelani Harun, 2011).

4.0 KODIKOLOGI MANUSKRIP TAFSIR MS 165

Tafsir al-Quran MS 165 mempunyai 687 muka surat kira tebalnya 7 sentimeter. Terdapat 30 baris ayat al-Quran yang ditulis pada setiap halaman dan 12 perkataan bagi setiap perkataan ; ilus ; 30 x 23 cm serta tafsirannya menggunakan tulisan jawi lama. Di muka surat judul ada dicatitkan bahawa manuskrip ini asalnya kepunyaan Haji Abdullah. Hal ini dibuktikan dengan tulisan tangan yang tercatat seperti berikut;

> "Inilah Tafsir Quran Yang Maha Mulia Haji Abdullah yang empunya".

Catatan diatas menunjukkan bahawa mushaf tersebut tidak menulis nama pengarang cuma menyatakan bahawa ianya milik Haji Abdullah tetapi tidak diketahui sejauh mana kesahihannya mushaf itu adalah hak milik Haji Abdullah dan tiada maklumat lanjut yang dapat diperolehi daripadanya. Dua muka surat yang awal dihiasi dengan lukisan awan larat yang bewarna warni. Halaman awal termuat ayat-ayat al-Quran, "al-Fatihah" dan "Alif Lam Mim" yang ditulis dengan warna kuning keemasan dan mencatitkan nama Tengku Menteri Ibrahim bin Jaafar yang memerintah Larut, Jajahan Perak di atasnya sebelum memulakan juzuk Alif Lam Mim. Halaman seterusnya menggunakan dakwat merah dan hitam. Ayat-ayat al-Quran ditulis dengan dakwat merah sementara terjemahannya menggunakan dakwat hitam. Tulisan kurang menarik dan kurang cermat tetapi boleh dibaca. Mengandungi ayat-ayat al-Quran dan terjemahan bagi setiap ayat dan diakhiri dengan surah al-Fatihah beserta maknanya. Di akhir kalam penulis ada mencatitkan seperti berikut;

> "Engkau perkenankan kiranya penat hambamu, tamat. Alhamdulillah dengan pertolongannya".

Dalam satu juzuk terdiri daripada 26 dan 27 muka surat atau terlebih dan ditanda penomboran pada setiap muka surat ayat. Kedudukan juzuk dalam tafsir MS 165 terletak di sebelah kanan dan kedudukannya berada di bahagian tengah. Setiap awal juzuk ditandai dengan tulisan yang lebih besar daripada ayat lain. Mulai dari awal ayat sampailah hujung baris, di tepi ayat awal juzuk tersebut di tulis maklumat dengan hiasan kaligrafi vertikal contohnya kalimah al-Juz'u al-thani al-Juzu'u thalith dan seterusnya hingga juzuk yang ke tiga puluh.

Dari aspek ragam hias naskhah pula, manuskrip ini mengandungi hiasan dan iluminasi yang indah pada lembaran pertama dan kedua dan hiasan pada jidar manuskrip. Lembaran berhias pada bahagian hadapan dan kedua manuskrip tafsir MS 165 ini merupakan lembaran paling indah dihias dan beriluminasi. Ia menggunakan bentuk bulatan berhias pada sekeliling bingkai teks dengan segi empat besar yang mengelilinginya. Di bahagian luar, termuat motif-motif hiasan yang merangkumi unsur tumbuhan, sulur dan flora yang bersilang dan saling berkaitan dengan penggunaan warna merah dan hijau. Dalam penghasilan lembaran berhias, penekanan diberikan terhadap aspek keseimbangan bukan sahaja antara kedua-dua lembaran rekto dan verso yang membentuk komposisi corak yang simetri, bahkan juga antara bahagian hadapan manuskrip iaitu selaku pembuka mushaf.

Hiasan pada tajuk surah-surah al-Quran dan jidar manuskrip pula adalah sederhana dan lebih berbentuk fungsional. Tajuk surah biasanya diletakkan dalam bingkai teks dan ditulis menggunakan dakwat merah sebagi pemisah antara surah. Tanda awal surah ditanda dengan garis persegi dengan dakwat bewarna merah atau hitam. Di jidar manuskrip pula terdapat beberapa tanda seperti tanda juzuk yang ditandakan dengan warna merah. Pada tanda juzuk diberi tanda dengan tulisan berbeza warna dengan teks naskhah, iaitu warna merah dengan tulisan yang lebih tebal. Namun terdapat pada beberapa lembaran yang lain ditambah dengan tulisan kaligrafi hias di tepi naskhah.

Pemerhatian penulis kepada kaligrafi mushaf Haji Abdullah adalah tidak teratur dan kurang cermat. Jarak antara huruf dengan huruf yang lain lebih rapat. Jumlah hurufnya kira-kira 34 hingga 39 huruf dalam satu baris. Ianya belum memenuhi kaedah penulisan kaligrafi yang benar sebagaimana yang dirumuskan oleh Ibnu Muqlah seperti diatas. Gaya naskhi disini, bukanlah naskhi dengan kaedah penulisan yang berlaku, tetapi suatu gaya naskhi yang bebas mengikut selera penyalinnya. Melihat kepada bentuk kaligrafi pengarang dapat dikatakan penyalinnya bukanlah seorang penulis kaligrafi yang mempunyai pemahaman mengenai penulisan yang benar secara teori dan praktikal. Tulisan kaligrafinya masih sangat sederhana dengan gaya naskhi yang tidak terikat, mengikut gaya penyalin.

Secara amnya, manuskrip tafsir MS 165 ini masih berkeadaan baik dan tidak rosak melainkan pada folio 31 yang tulisan dakwat merahnya mula mengembang dan kabur tetapi masih boleh dibaca teks al-Quranya. Terdapat kesan lusuh pada kertas yang digunakan, namun kertasnya masih lagi kukuh dan tidak rosak.

5.0 ANALISIS MANUSKRIP TAFSIR DARI ASPEK ILMU RASM DABT DAN FAWASIL

5.1 Aspek Rasm

Setelah dianalisis secara keseluruhannya, terdapat 190 kalimah yang dikeluarkan daripada mushaf Haji Abdullah yang telah dikaji. Daripada mushaf tersebut, kebanyakkan tulisannya adalah dengan kaedah rasm Imla'i, kecuali pada beberapa tempat yang dapat dikenalpasti kalimah penulisannya lebih kepada rasm Uthmani seperi kalimah الحيوة الصلوة، الزكوة، dan mana-mana bahagian huruf 'ajam. Hampir keseluruhan rasm pada surah al-Baqarah ini tidak mengikut kepada kaedah rasm Uthmani, hanya terdapat 19 perkataan sahaja ayat al-Quran yang ditulis dengan menggunakan rasm Uthmani. Selebihnya lagi 189 perkataan ditulis dengan menggunakan rasm imla'i dalam persoalan membuang (*ḥadhf*) dan menetapkan (*ithbāt*) alif.

Dalam penulisan al-Quran tidak semua cara penulisan ilma'i yang digunakan oleh pengarang dan juga tidak semua kaedah rasm Uthmani yang diikuti. Dalam mushaf Haji Abdullah ini, penerapan kaedah *ḥadhf* dapat dikenalpasti pada beberapa tempat seperti berikut:

Jadual 1.1: Perbandingan Kedah *Ḥadhf*

Mushaf Haji Abdullah	Mushaf Malaysia
	
	
	

Jadual diatas memperlihatkan perbandingan dalam memasukkan kaedah *ḥadhf* alif dimana pada baris *pertama* alif di*ḥadhf* sesudah ‘ain. Pada baris kedua *ḥadhf* yā ṣerta *ḥadhf lam* pada baris yang ketiga. Dapat diperhatikan pada naskhah MS 165 kaedah *ḥadhf alif* pada huruf *alif, yā* pada kata *yuhyī* dan lām. Dengan memunculkan huruf yā di akhir kata yuhyī akan menyebabkan terdapat tiga huruf yā kerana diikuti dua terakhir huruf yā terletak berturutan. Dalam kaedah rasm Uthmani, huruf yā terakhir dihilangkan walaupun yā kedua tetap dibaca panjang. (As Suyuti, t.t).

Jadual 1.2: Perbandingan Kedah *Ithbāt*

Mushaf Haji Abdullah	Mushaf Malaysia
	
	
	

Dalam penetapan kaedah *ithbāt*, penyalin mushaf Haji Abdullah telah menggantikan alif dengan wāw sesuai kaedah ithbat dalam rasm Uthmani ketika menyalin kata-kata aṣ-salāh, az-zakāh dan al-hayāh tetapi berbeza dari sudut penetapan pada menggantikan ha’ ta’ nīs (ta marbūṭah) dengan ta maftuhah seperti pada kata raḥmah dalam surah al-Baqarah ayat 2: 218, 2: 231, al-A’raf, 7: 56, Hud, 11:73, Maryam, 19: 2, ar-Rum, 30: 2 dan pada beberapa temapat lain. (Az Zarqanym, 1995). Berdasarkan jadual diatas, penyalin mushaf Ms 165 mengikuti kaedah rasm Uthmani dalam menggantikan ha’ ta’ nīs (ta marbūṭah) dengan ta’ maftūḥah.

Penulis mengambil pandangan utama, Abū Dāwūd Sulaymān al-Najāh sebagai pendapat dalam mushaf Madinah. Kemudian, pandangan kedua Abū Amr Uthmān bin Sa’īd al-Dāni mewakili pandangan mushaf Jamāhiriyah Libya. Antara yang dapat diperhatikan pada kedua-dua mushaf tersebut perbandingan dengan mushaf MS 165 dan mushaf yang digunapakai di Malaysia terdapat beberapa tempat tidak dijumpai rujukan daripada Abū Amr al-Dāni seperti kalimah صراط، ابصارهم، صواعق، فراشا، ازواج، امواتا، الراكعين، واحد، راعنا dan واسعا semuanya ditulis dengan *ithbāt alif* dalam mushaf MS 165. Manakala, kalimah ابراهيم dan اسرائيل Abū Amr Uthmān bin Sa’īd al-Dāni menyatakan ada perbezaan pandangan dalam penulisan اسرائيل khilaf dalam *ithbāt* dan *ḥadhf alif* , manakala kalimah ابراهيم khilaf dalam *ithbāt* dan *hadhf yā.* Oleh sebab itu, penulisan kalimah-kalimah tersebut dalam mushaf Haji Abdullah masih boleh dikategorikan kepada rasm Uthmani.

Selain itu, dalam mushaf MS 165 juga terdapat kalimah الكتاب ،العالمين dan رزقناهم juga tidak menepati kepada penulisan rasm Uthmani. Secara puratanya, boleh disimpulkan jenis penulisan dalam mushaf MS 165 ialah lebih kepada penulisan rasm Imla'i. Jelaslah, kemudahan membaca lebih diutamakan dalam penyalinan mushaf al-Quran pada ketika itu. Kemudahan ini memang diperlukan umtuk mengingatkan masyarakat Tanah Melayu bukan daripada kalangan peluntur bahasa arab. Dengan demikian, dari sudut rasm naskhah MS 165 dari Tanah Melayu dapat disimpulkan bahawa penulisan rasm al-Quran ketika itu tidak begitu konsisten sama ada menggunakan rasm Uthmani atau rasm Imla'i. Terdapat hukum tentang menghilangkan *ḥadhf* alif . Dalam mushaf ini hampir semua perkataan menggunakan rasm Imla'i dengan kewujudan alifnya. Sedangkan hukum menggantikan *ithbāt alif* dengan wāwū pada kata salāt, zakāt dan hayāt menunjukkan sama dengan mushaf Malaysia. Hal ini berkemungkinan tiga perkara, pertama tujuannya memudahkan pembaca yang bukan bangsa Arab dan tidak dapat memahami bahasa Arab. Kedua, berkemungkinan, ilmu tentang rasm uthmani belum sangat dikenali oleh masyarakat pada waktu itu dan yang ketiga, perdebatan tentang wajib atau diharuskan penggunaan rasm Uthmani pada mushaf al-Quran belum berkembang secara keseluruhannya.

5.2 Aspek Dabt

Antara tanda-tanda ḍabṭ yang terdapat di dalam mushaf MS 165 adalah:

Jadual 1.3 Tanda-tanda *Dabt*

Bil		Tanda
		Mushaf MS 165
1.	Harakat Baris	
	a. Fathaḥ	
	b. Kasrah	
	c. Ḍammah	
2.	Tanwin	
	a. Fathaḥtayn	
	b. Kasrahtayn	
	c. Ḍammahtyn	
3.	Sukun	
4.	Sabdu	
5.	Mad	

dalam mushaf MS 165 ini akan memfokuskan kepada lima aspek tersebut, daripada lima aspek tersebut dapat digolongkan kepada dua bahagian, iaitu harakat dan tanda baca. Harakat dan tanda baca merupakan bahagian dalam ḍabṭ al-Quran yang kerap dijumpai perbezaan antara mushaf-mushaf yang ada. Harakat ialah seperti fathah, dammah, kasrah dan tanwin. Manakala tanda baca ialah tanda sukun, sabdu, mad dan hamzah. Perbincangan juga mengambil kira tentang tanda waqaf dan tanda fāṣilah yang diguna pakai.

5.3 BENTUK-BENTUK TANDA BACA

Tanda baca yang diguna pakai pada mushaf MS 165 yang dikaji, sama ada harakat, dammah atau fathah adalah mengikut kepada konsep yang diperkenalkan Khalil bin Aḥmad Farāhīdī iaitu baris dammah diambil daripada huruf wāw kecil yang diletakkan diatas huruf. Baris fathah diambil daripada huruf alif kecil yang diletakkan di atas huruf. Baris kasrah diambil daripada huruf yā kecil yang diletakkan di bawah huruf. (Abd Abd Allah, t.t) Huruf "u" dibunyikan dengan baris ḍammah, huruf "a" baris fathah dan huruf "I" melahirkan baris kasrah. Tanda-tanda tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 1.4 Bentuk-bentuk Tanda Baca

Tanda Baca	Bentuk	Contoh
Fathah dan Kasrah		
Dammah		
Sukun		
Sabdu		
Tanwin dia atas (selain hukum izhar)		
Tanwin di bawah (selain hukum izhar)		
Tanwin diatas dan dua di bawah (hukum izhar)		
Tanwin di depan (selain hukum izhar)		
Tanwin di depan (hukum izhar)		

Tanda baris atau harakat yang digunakan di dalam mushaf MS 165 dikaji, sama ada harakat fathah, dammah, kasrah dan tanwin diantaranya terdapat beberapa tanda kesalahan yang sama sekali tidak menepati dalam kaedah ḍabṭ dalam pembacaan al-Quran. Perkara ini akan menyebabkan pembaca akan mengalami kesalahan dari segi penyebutan baris dan membuatkan maksud pada ayat al-Quran tersebut salah. Antara kesalahan tersebut ialah:

Jadual 1.5 Kesalahan dari Segi Penyebutan Baris

BIL.	MUSHAF HAJI ABDULLAH	MUSHAF MALAYSIA	AYAT DALAM SURAH AL-BAQARAH
1.			AYAT 1
2.		الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ	AYAT 26
3.		وَنُقَدِّسُ لَكَ	AYAT 30
4.		آدَمُ أَنْبِئْهُمْ	AYAT 33
5.		وَالْمَسَاكِينِ وَقُولُوا	AYAT 83
6.		أَنْ يُنَزَّلَ	AYAT 105
7.		إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ	AYAT 124
8.		وَاتَّخِذُوا	AYAT 125
9.		مُصَلًّى وَعَهِدْنَا	AYAT 125
10.		وَيَعْقُوبُ يَا بَنِيَّ	AYAT 132
11.		فَسَيَكْفِيكَهُمُ اللَّهُ	AYAT 137
12.		قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ	AYAT 144
13.		أَنَّهُ الْحَقُّ	AYAT 144
14.		فَوَلِّ وَجْهَكَ	AYAT 149
15.		وَلَوْ يَرَى الَّذِينَ	AYAT 165
16.		لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا	AYAT 177
17.		وَابْنَ السَّبِيلِ	AYAT 177

18.		وَلْيُؤْمِنُوا بِي	AYAT 186
19.		وَتُدْلُوا بِهَا	AYAT 188
20.		لا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ	AYAT 190
21.		وَلا تَحْلِقُوا رُءُ	AYAT 196
22.		الْهَدْيُ مَحِلَّهُ	AYAT 196
23.		جَهَنَّمُ وَلَبِئْسَ	AYAT 206
24.		كَفَرُوا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا	AYAT 212
25.		عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ وَ	AYAT 228
26.		حُدُودَ اللَّهِ	AYAT 230
27.		لا تُكَلَّفُ نَفْسٌ	AYAT 233
28.		رِزْقُهُنَّ وَ	AYAT 233
29.		وَكِسْوَتُهُنَّ	AYAT 233
30.		غَيْرَ إِخْرَاجٍ	AYAT 240
31.		مُلاقُو اللَّهِ	AYAT 249
32.		وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ	AYAT 280

Terdapat 32 tempat ayat di dalam surah al-Baqarah yang mempunyai kesalahan dari sudut peletakan baris. Antaranya kesalahan tertukar baris dari segi harakat dan tanda tanwin. Kesalahan ini dapat dirumuskan bahawa pengarang berkemungkinan tidak perasan dan tidak membuat semakan dari sudut peletakan baris. Sedangkan apabila penulis meneliti keseluruhan penulisan ayat al-Quran yang ditulis oleh pengarang, terdapat tanda-tanda bahawa tafsir ini telah disemak kerana terdapat ayat al-Quran yang telah digaris jika ayat al-Quran tersebut silap ditulis. Hal ini memungkinkan penulis membuat ramalan awal bahawa pengarang tidak menyemak dari sudut peletakan baris al-Quran di dalam tafsir MS 165 ini.

Selain kesilapan dari segi peletakan tanda baris yang ditukar terdapat juga kesalahan tidak meletakkan tanda titik pada huruf hijaiyyah yang ditulis antaranya pada ayat:

Jadual 1.6 Kesalahan Tidak Meletakkan Tanda Titik Pada Huruf Hijaiyyah

BIL.	MUSHAF HAJI ABDULLAH	KESALAHAN	AYAT DALAM SURAH AL-BAQARAH
1.		Tiada tanda huruf dhād	Ayat 36
2.		Tiada tanda huruf yā	Ayat 39
3.		Hadhf titik pada huruf yā	Ayat 134
4.		Tiada tanda huruf nūn	Ayat 143
5.		Tiada tanda huruf yā	Ayat 146
6.		Tiada tanda huruf jīm	Ayat 150
7.		Tiada tanda huruf bā	Ayat 171
8.		Tiada tanda huruf yā	Ayat 197
9.		Tiada tanda huruf yā	Ayat 204
10.		Tiada tanda huruf yā	Ayat 225

Kesilapan dari segi tanda titik tidak diletakkan, terdapat sepuluh tempat ayat pada surah al- Baqarah. Hal ini telah menyukarkan pembaca untuk membaca dan akan menimbulkan kesilapan dengan pembacaan pelbagai versi pada huruf-huruf hijaiyyah.

5.4 Aspek Fawasil

Perhitungan ayat pada mushaf MS 165, merujuk kepada aspek fawasil didapati dalam juzuk satu terdapat beberapa tanda ra's al-dayah yang berbeza dengan mushaf biasa. Mushaf pertama pada suatu tempat, iaitu pada ayat 114 surah al-Baqarah (bilangan ayat mushaf Madinah riwayat Hafs dari Asim).

Merujuk kepada kitab fawasil, dalam juzuk satu terdapat lima tempat perbezaan fasilah ayat. Satu tempat terdapat pada surah al-Fatihah dan empat tempat yang lain pada surah al-Baqarah juzuk satu iaitu pada surah al-Fatihah:

Jadual 1.7 Lima Tempat Perbezaan Fasilah Ayat

BIL.	MUSHAF HAJI ABDULLAH	MUSHAF MALAYSIA	AYAT DALAM SURAH AL-BAQARAH
1.			AYAT 1-7

2.			AYAT 1-5
3.			AYAT 83
4.			AYAT 102
5.			AYAT 103

Pada mushaf MS 165 ini agak sukar untuk mnentukan kemana kecenderungan penyalinnya diantara kedua pendapat ulama fawasil sama ada *Makki* dan *Sufi* serta *Madani*, *Shami* dan *Basri*. Oleh sebab dalam surah al-Fatihah ini Haji Abdullah tidak meletakkan tanda fasilah dengan sempurna. Apabila memandang kepada riwayat penulisan mushaf MS 165 pada surah al-Fatihah dan juzuk alif lam Mim lebih cenderung kepada pendapat ulama fawasil Makki dan Kufi kerana penulisan mushaf bersesuaian dengan qirāat imam Āṣim riwayat Ḥafs yang mana imam Asim ini merupakan salah seorang imam qirāat dari Kufah.

Sementara tiga lagi yang lainnya yang disenaraikan iaitu ayat 83, 102 dan 103 (dalam jadual diatas) yang berbeza penetapan fasilahnya tidak mengikut kepada pendapat ulama fawasil manapun. Sehingga boleh diduga penyalinannya tersilap dalam membuat bulatan

penanda ra's al-ayat (*fāṣilah*). Dalam hal ini hanya lima tempat utama sahaja yang berbeza penetapan fasilahnya, tempat pemisah yang lain masih mempunyai persamaan penanda fasilahnya dengan mushaf Uthmani iaitu mengikut pendapat Basri, sehingga memberi makna bahawa penyalin mushaf ini mengambil pendapat ulama Basrah dalam menetapkan fāṣilah dan bilangan ayatnya.

6.0 KESIMPULAN

Hasil daripada perbincangan dan analisis yang dijalankan oleh penulis, kajian ini dapat disimpulkan kepada beberapa aspek sejarah, kodikologi dan perbandingan dengan metode penulisan dan penandaan al-Quran mushaf Uthmani. Berikut merupakan ciri dan bentuk utama yang dapat disimpulkan iaitu:

1) Berdasarkan kepada konteks sejarah dan senario umum penyalinan manuskrip tafsir al-Quran di Tanah Melayu, manuskrip ini merupakan sebuah manuskrip yang ditulis pada kurun kelapan belas atau kesembilan belas Masihi.
2) Aspek dari analisis kodikologi mendapati manuskrip ini berasal dari negeri Perak kerana tertulis nama Tengku Ngah Ibrahim yang memerintah Larut Jajahan Perak yang memberikan penekanan yang khusus terhadap pengajian agama terutamanya mulai daripada abad kelapan belas Masihi.
3) Antara ciri keunikan manuskrip ini ialah penggunaan bahan tempatan iaitu kertas daluang atau jeluang yang dihiasi dengan iluminasi dan hiasan yang indah dalam penghasilan tulisan pada mushaf tafsir MS 165.
4) Penggunaan tinta emas pada tulisan ayat al-Quran, hiasan dan iluminasi manuskrip al-Quran ini menunujukkan ia dihasilkan bagi menarik perhatian masyarakat Perak untuk mempelajari ilmu tafsir.
5) Dalam aspek metode penulisan al-Quran, manuskrip secara amnya berlandaskan metode rasm Imla'i kecuali pada beberapa perkataan tertentu sahaja.
6) Selain itu, mushaf juga tidak mengikut kepada kaedah ilmu dabt, akan tetapi lebih bersesuaian kepada pola penulisan biasa. Hal ini mungkin kerana mushaf MS 165 lebih menonjolkan sisi pengajaran dan bacaan serta tafsirannya.
7) Dari sudut fawasil mushaf pula, dalam hal perhitungan keseluruhan ayat mushaf Haji Abdullah berbeza dengan pendapat masyhur ulama al-'adad. Dalam hal ini penetapan fasilah ayat dalam juzuk satu menunjukkan hanya beberapa tempat yang bercanggah dengan ketujuh mazhab ulama fawasil dalam menentukan fasilahnya tetapi penetapan tempat fasilah yang lain mempunyai kesesuaian dengan mazhab ulama fawasil Basri.
8) Kesalahan dari aspek ejaan dan tatabahasa dalam penulisan ayat-ayat al-Quran memperlihatkan bahawa penyalin manuskrip tafsir al-Quran tidak mahir sepenuhnya dalam kaedah penulisan bahasa Arab, tidak menguasai ilmu-ilmu al-Quran dengan baik selain terpengaruh dengan metode sebutan masyarakat tempatan dalam menulis sesetengah perkataan arab.
9) Setelah melihat kepada tiga aspek yang menjadi bahagian penting dalam tafsir al-Quran iaitu aspek rasm, dabt dan fawasil. Hasil kajian menunjukkan adanya perbezaan diantara ketiga-tiga aspek tersebut. Terdapat beberapa faktor yang boleh dikategorikan penyebab kepada kekurangan pada mushaf MS 165 ini antaranya pengarang mungkin bukan dalam kalngan hafiz al-Quran sehingga terdapat ayat yang tertinggal atau tidak sempurna tulisannya, akan tetapi penyalinnya berbakat dalam menulis dan membuat hiasan.

7.0 RUJUKAN

Abi Abd Allah Muhammad bin ‘Abd Allah al-Tanassi, Al-Tiraz fi Dabt al-Kharraz, (Madinah al Munawarrah: Majma’ al-Malik Fahd li Taba’ah al-Mushaf al-Sharif , 1420 H), 52. Muhammad Salim Muhaysin, Irshad al-Talibun, 9.

Ahmad Munawar Ismail, Mohd Nor Shahizan Ali, 2012, Memahami Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam.Fakulti Pengajian Islam, UKM Bangi, Selangor.

Ali Akbar, 2012, Tradisi Penyalinan Al-Quran Di Aceh, http://tradisi-penyalinan-al-quran-nusantara-di-aceh, 08 Februari 2012.

As-Suyuti, al-Itqan fi ‘Ulumil al-Quran, h. 745.

Az-Zarqanym Nabahilul Irfan, Beirut: Darul Kitabal-‘Arabiy, 1995, h.304.

Chua Yan Piaw, 2014, Kaedah Penyelidikan. McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd. Selangor.

Dzul Haimi Md Zain, 2007, Ragam Hias al-Quran Di Alam Melayu, Utusan Publications & Distributors SDN BHD Cheras, Kuala Lumpur.

Ghazali Darusalam. Sufean Hussin, 2016, Metodologi Penyelidik Dalam Pendidikan Amalan dan analisis Kajian, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kamal Azmi, Tusuf Marlon, Nurzatil Ismah Azizan, Zanariah, Sahlawati Abu Bakar, 2014, Metodologi Penyelidikan Asas-Asas Ilmu Penyelidikan Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor(KUIS).

Muhammad Husayn al-Dhahabi, *al-Tafsir wa al-Mufassirun*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah, 1976), 140.

Muhammad Mustaqim Mohd Zarif , 2013, Manuskrip Al-Quran Koleksi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM): Kajian dari Aspek Kodikologi dan Ilmu Rasm Al-Quran, Rujuk Filologi Melayu, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur), 1-2.

Mustaffa Abdullah. Fauzi Deraman. Faisal Ahmad Shah, 2011, Khazanah al-Quran & Hadith Nusantara, Terbitan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Salsabil Haji Mohd Zain, 2012, Israiliyyat Dalam Manuskrip Melayu: Kajian Terhadap Hikayat Mukjizat Nabi, (Kajian Disertasi, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Siti Baroroh Baried. Siri Chamamah Soeratno. Saowe. Sulastin Sutrisno. Moh Syakir, 1985, Pengantar Teori Filologi, Pusat Pembinaan Dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan Dan Kebudayaan Jakarta.

Zuliskandar Ramli, 2011, Alam Melayu Satu Pengenalan, ReserchGate Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.